

Kos pulihara setiap sungai RM2 bilion

KERAJAAN menghadapi kesukaran memulihara sungai tercemar kerana berdasarkan kajian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kos memulihara setiap satunya bernilai kira-kira RM2 bilion.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sazmi Miah, berkata kementeriannya terpaksa memantau

146 lembangan termasuk 15 daripadanya yang dikategorikan tercemar.

“Agak sukar bagi kerajaan memulihara sungai tercemar seperti Sungai Juru dan Sungai Pinang di Pulau Pinang kerana kosnya yang tinggi.

“Bagaimanapun menerusi Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9), sekurang-kurangnya 15 sungai

tercemar dapat dikurangkan kepada tujuh atau lapan dan sasaran itu termasuk Sungai Juru dan Sungai Pinang,” katanya menjawab soalan tambahan Senator Gooi Heo Hin, pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Sazmi berkata, kesedaran orang ramai mengenai tanggungjawab menjaga kebersihan sungai antara lang-

kah paling berkesan menyelesaikan isu pencemaran sungai, selain meneruskan usaha berkempen.

“Kita perlu mengenal pasti individu yang tinggal di persekitaran sungai dan mereka inilah yang dipertanggungjawabkan menjaga serta membersihkan sungai termasuk semua jabatan di bawah kementerian,” katanya.